

PENGENALAN




- Ekosistem Kondusif Sektor AWAM (EKSA) adalah penjenamaan semula Pelaksanaan Amalan 5S untuk memenuhi keperluan sektor awam.
- Pelaksanaan EKSA mempunyai matlamat yang sama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.
- EKSA yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.
- EKSA berupaya memperkuuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Standard MS ISO 9001, dalam memenuhi keperluan klausa Pengurusan Sumber ber- kaitan Persekutuan Kerja.
- EKSA yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej korporat KPKT secara keseluruhan
- Dalam usaha pembudayaan dan pengekalan persekitaran berkualiti dan kondusif jabatan melaksanakan aktiviti seperti Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal dengan pelaksanaan aktiviti gotong-royong secara berkala.

Adalah menjadi harapan agar informasi EKSA JBPM yang dipaparkan ini akan menjadi rujukan warga JBPM dalam usaha menjadikan EKSA sebagai budaya kerja seterusnya untuk mendapatkan pensijilan daripada pihak MAMPU.

PELAKSANAAN EKSA

• SISIH

Mengasing/ membuang barang-barang yang tidak diperlukan.



• SUSUN

Menyusun barang-barang yang diperlukan dengan teratur supaya mudah diambil.

• SENTIASA AMAL

Mengamalkan aktiviti sisih, susun, sapu dan seragam secara istiqamah.

• SERAGAM

Menyeragamkan susunan fail/ meja kerja/peralatan pejabat

• SAPU

Menyapu/ membersih ruang pejabat/bilik dan peralatan kerja.

DASAR

Menerapkan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) sebagai budaya di tempat kerja bagi semua warga Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia kearah organisasi berprestasi tinggi.

VISI

Menerapkan budaya kerja yang bersistematik ke arah peningkatan produktiviti serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi menghasilkan penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan

MISI

Mewujudkan sistem kerja yang selamat, selesa dan inovatif dengan melaksanakan amalan ekosistem yang kondusif di kalangan warga Ibu Pejabat, JBPM

OBJEKTIF

1.	Meningkatkan imej korporat yang kondusif dan berkualiti
2.	Meningkatkan amalan kerja berpasukan dan semangat setia kawan dalam organisasi
3.	Membantu meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan;
4.	Meningkatkan pembudayaan amalan hijau dikalangan warga JBPM;
5.	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti iaitu selamat, bersih, kemas dan selesa pada setiap masa.

SLOGAN EKSA

“Kondusif, Selamat dan Sistematik”

LOGO EKSA




JUSTIFIKASI LOGO EKSA

- **Biru** - Perpaduan dalam melaksanakan kerja berpasukan
- **Merah** - Bersemangat melaksanakan EKSA JBPM
- **Kuning** - Simbolik perlaksanaan 5S
- **Hijau** - Komited melaksanakan Amalan Hijau

CARTA ORGANISASI EKSA

Jawatankuasa Induk



Jawatankuasa Zon

